

14/02/2003

PM, timbalan bincang KM baru Sabah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berbincang dengan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menentukan ketua menteri baru Sabah, menggantikan Datuk Chong Kah Kiat yang tempoh jawatannya tamat 27 Mac ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, berkata beliau tidak mengumumkan nama pengganti itu sekarang, sebaliknya berbincang dengan Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno.

"Nak jadi Ketua Menteri tidak akan mengambil masa yang lama. Anda angkat sumpah saja," katanya mengenai calon di kalangan pemimpin Umno bagi menjawat Ketua Menteri Sabah yang dikosongkan Chong kira-kira dua minggu lagi.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan Taklimat Presiden di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Mengenai kemungkinan wujud lobi melobi pemimpin Umno Sabah bagi mengisi kekosongan jawatan itu berikutan ia giliran Umno, Dr Mahathir berkata, setakat ini mereka (pemimpin Umno Sabah) tidak melobi beliau bagi tujuan itu.

"Tidak ada lobi kat saya. Saya tidak terima lobi apa pun sehingga ini," katanya tetapi menambah, beberapa nama sudah dicadangkan dan semuanya dalam pertimbangan.

Ditanya berapa nama calon Ketua Menteri Sabah yang sudah diterima, beliau enggan mengulas sebaliknya secara berseloroh bertanya: "Anda (wartawan) ada niat (jadi Ketua Menteri)".

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah diilhamkan Dr Mahathir diperkenalkan pada 1994 bagi memberi peluang kepada pemimpin tiga kelompok masyarakat utama - Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam menerajui kerajaan negeri secara bergilir setiap dua tahun.

Chong ialah Ketua Menteri ke-13 sejak Sabah merdeka pada 1963 dan keenam mengikut sistem itu selepas Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Mohd Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Ia bagaimanapun diubah suai dua tahun lalu dengan memberi peluang dua penggal kepada pemimpin Umno berbanding sepenggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Sementara itu, mengenai debat antara Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Nazri Aziz yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dengan Pas berhubung isu Sekolah Agama Rakyat (SAR), Dr Mahathir berkata, debat itu akan diteruskan.

"Nazri akan teruskan, kita nak dengar apa Pas nak bohong. Kalau kita tak bagi peluang dia (Pas), dia tak boleh nak bohonglah. Yang ini (debat) kita akan rekodkan apa dia kata, kita akan guna bagi menentang dia balik," katanya.